

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT@ WONG NYUK  
FOH**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] bertanya kepada PERDANA MENTERI menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk menguruskan Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah. Adakah mereka akan disimpan di pusat dan tempat yang tertentu, supaya aktiviti-aktiviti mereka dapat dikawal dan dipantau.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan PTI di negara ini dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang dengan menempatkan mereka terlebih dahulu di pusat-pusat tahanan untuk tujuan dokumentasi sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal. Pada masa ini, terdapat terdapat tiga (3) Pusat Tahanan Sementara (PTS) di negeri Sabah iaitu PTS Papar, PTS Sibuga dan PTS Tawau. Manakala sebuah lagi PTS di Menggatal sedang di dalam proses naik taraf.

Tiga (3) PTS sedia ada kini boleh menampung sehingga 5,500 Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang ditangkap melalui operasi-operasi bersepadu yang disertai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Sabah, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sekian. Terima kasih.